



Antara jalan yang ditutup akibat banjir kilat.



Kuala Lumpur dilanda banjir kilat lagi

Antara kawasan yang terlibat ialah Jalan Semantan, Jalan Parlimen dan Jalan Kuching.

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

KUALA LUMPUR

Hujan lebat sekitar Kuala Lumpur pada petang Isnin telah mengakibatkan banjir kilat di beberapa lokasi.

Info Cuaca Malaysia menerusi laman Facebook memaklumkan beberapa lo-

kasi terbabit antaranya Jalan Semantan, Jalan Parlimen dan Jalan Kuching.

Selain itu, banjir kilat turut berlaku di Jalan Changkat Thambi Dollah, Travers dan di sekitar kawasan berhampiran Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bagaimanapun, anggota Jabatan Penguatuasaan DBKL telah berada di lapangan untuk melancarkan aliran lalu lintas di kawasan yang terbabit.

Perkongsian Info Cuaca Malaysia di laman Facebook miliknya itu mendapat perkongsian sebanyak 208 kali dengan pelbagai reaksi pelayar dikongsi di ruangan komen.



Hujan lebat berterusan sejak jam 3 petang menyebabkan beberapa laluan dinaiki air.